

Press Information

Untuk Penerbitan Segera

Boon Siew Honda Secara Rasmi Melancarkan X-ADV dan CRF1000L Africa Twin di MAI Malaysia Autoshow 2018

SERDANG, 26 April 2018 : Boon Siew Honda (BSH) secara rasmi melancarkan Honda X-ADV and CRF1000L Africa Twin, motorsikal berkuasa tinggi Honda yang telah lama dinantikan untuk diperkenalkan di Malaysia. Selain itu, BSH juga mengambil peluang untuk mempamerkan motorcycle Honda baharu Neo Sports Cafe – CB1000R di MAI Malaysia Autoshow 2018.

Pada pelancaran itu, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Boon Siew Honda, En Keiichi Yasuda berkata, “Kami sentiasa komited untuk memberikan nilai tinggi serta teknologi yang tinggi untuk setiap produk bagi merangsang semua pelanggan. Dan kami dapat melihat melalui pembukaan Honda BigWing, motorsikal berkuasa tinggi Honda akan menjadi pilihan utama untuk rakyat Malaysia dari segi produk dan perkhidmatan selepas jualan yang sangat baik.”

“Di Malaysia kami tidak hanya menghadkan motorsikal berkuasa tinggi ‘sport’ dan ‘street’, tetapi juga kategori yang berlainan, contohnya ‘scooter’ dan ‘cross touring’ yang mempunyai permintaan dan permintaan untuk enjin yang berkuasa lebih tinggi adalah trend”

Gambaran Produk:

Honda X-ADV

Jentera ala crossover dengan keupayaan off-road

Direka dan dihasilkan oleh pasukan R&D Honda di Itali, X-ADV merupakan sebuah motosikal kembara gaya crossover inovatif yang menggabungkan kemudahan moden dengan prestasi lasak.

X-ADV dilengkapi enjin efisien 745cc penyejukan cecair OHC 4 Lejang yang mampu menawarkan kuasa maksimum 40.3kW pada 6,250rpm dengan tork maksimum 68Nm pada 4,750rpm.

X-ADV juga didatangkan dengan Pilihan Pengawalan Tork Honda (Honda Selectable Torque Control, HSTC) yang menawarkan 2 tahap pengawalan; Tahap 1 membolehkan aksi putaran roda belakang atas jalan berturap atau jalan kasar, manakala Tahap 2 menawarkan cengkaman yang padu biarpun atas permukaan licin.

Press Information

Transmisi Klac Berkembar (Dual Clutch Transmission, DCT) memilih nisbah gear yang lebih rendah untuk tindak balas yang bersemangat pada mod D; mode S pula memberikan 3 tahap kawalan corak peralihan untuk tunggangan sport yang lebih mengujakan. Suis G turut disediakan untuk model 2018 ini bagi meningkatkan prestasi off-road.

Selain itu, X-ADV juga dilengkapi ruang simpanan 21L di bawah tempat duduk, skrin boleh laras 5 hala untuk perlindungan angin dan cuaca, hendal aluminium tirus, penghadang hendal ala Africa Twin, paparan meter gaya rali serta sistem kunci pintar. Pelumpuh enjin turut dilengkapkan bersama mekanisme klac di suis utama yang mencegah penguncian hendal secara paksa. Tongkat tengah dengan pegasan kecondongan membolehkan X-ADV diletak secara condong tanpa bimbang ia akan jatuh.

Tempat duduk setinggi 820mm dan set hendal selebar 910mm memastikan posisi penunggang yang tegak di mana sudut pandangan yang tinggi memberikan visibiliti serta kawalan yang lebih baik, kontur tempat duduk ergonomik pula memudahkan penunggang untuk mencapai permukaan jalan.

Ruang pergerakan suspensi hadapan dan belakang yang panjang menyerap kebanyakan hentakan jalan, ini dipadankan dengan roda lasak hadapan dan belakang 17-inci/15-inci serta tayar bercorak blok. Kaliper empat piston paut radial berkembar menawarkan prestasi pembrekan dengan kawalan ABS.

X-ADV didatangkan dalam 5 pilihan warna – Candy Chromosphere Red (warna baharu untuk 2018), Digital Silver Metallic, Matt Bullet Silver, Pearl Glare White dan Grand Prix Red.

Honda CRF1000L Africa Twin

Legenda Kembara Sport on/off-road

Sebuah motosikal kembara yang membuatkan perjalanan jarak jauh lebih selesa dan mengasyikkan, dengan keupayaan beraksi off-road.

Africa Twin baharu ini mampu menjana hampir 1.5 kali ganda kuasa berbanding model Africa Twin original, walau masih mengekalkan saiz dan perkadaran yang sama. Pembaharuan utama ke atas 998cc penyejukan cecair OHC 4 Lejang adalah sistem Pendikit Melalui Wayar (Throttle By Wire, TBW), yang menawarkan lebih pilihan kepada penunggang untuk mengawal kuasa enjin dan cengkaman roda belakang yang bersesuaian dengan pelbagai keadaan penunggang. Sistem tersebut dilengkap dengan 7 Tahap –dari Tahap 1 untuk penunggang off-road agresif menggunakan tayar bercorak blok sehingga Tahap 7 untuk keselamatan yang lebih terjamin apabila menunggang atas jalan berturap yang basah dan licin.

Press Information

Di samping peningkatan kuasa, CRF1000L Africa Twin juga dilengkapi reka bentuk kotak udara dan bahagian dalam ekzos baharu untuk tindak balas julat pertengahan yang lebih responsif, aci keseimbangan yang lebih ringan, serta bateri lithium-ion baharu. Kesemua ini secara keseluruhan mengurangkan berat jentera sebanyak 2.3kg di samping meningkatkan kelasakan motosikal. Selain itu, klac Assist/Slipper pula melicinkan lagi anjakan penurunan dan peningkatan.

Pembaharuan lain termasuk jajaran lanjutan tetapan input Kawalan Tork Pilihan Honda (Honda Selectable Torque Control, HSTC) bagi meningkatkan tahap keselamatan dalam apa jua keadaan.

Transmisi Klac Berkembar (Dual Clutch Transmission, DCT) menawarkan penukaran gear yang lebih cepat dan licin dalam Transmisi Manual (MT) atau mod Automatik D. Mod D sesuai untuk penunggangan di bandar dan lebuh raya dengan keseimbangan ekonomi bahan api dan keselesaan yang terbaik manakala mod S menawarkan tiga pilihan corak penukaran gear yang lebih sporti. Kelengkapan **butang G** membolehkan penunggang untuk mengubah kawalan sistem klac untuk pacuan lebih mantap dalam sebarang mod penunggangan.

CRF1000L Africa Twin didatangkan dengan warna Grand Prix Red (Team HRC Rally colour) dan Pearl Glare White (Tricolor) untuk Adventure Sport.

Honda BigWing

Honda BigWing dilancarkan pada 4 Februari tahun ini dengan pembukaan rasmi Honda BigWing pertama di Setapak, Kuala Lumpur. Berteraskan konsep baru sebagai “Destinasi untuk Penunggang”, Honda BigWing merangkumi pusat pameran terkini, pusat servis, sudut alat ganti dan aksesori serta bilik istirehat bagi menawarkan pengalaman yang istimewa dan menyeluruh untuk semua pelanggan. Di samping produk dan perkhidmatan terbaik yang disediakan, pelanggan juga berpeluang menyertai beraneka aktiviti komprehensif serta menikmati pelbagai keistimewaan yang eksklusif untuk pelanggan Honda.

Honda BigWing kedua akan dibuka di Georgetown, Pulau Pinang di bawah pengurusan Taycon Motor Sdn Bhd sekitar bulan Jun 2018, diikuti oleh Welly Team Cycle Sdn Bhd di Petaling Jaya, Selangor dan Additional Growth Sdn Bhd di Danga Bay, Johor.

Pelanggan boleh melawat dan menghubungi Honda BigWing untuk tempahan X-ADV, Afrika Twin dan CB1000R. Para pelanggan juga boleh melihat model baru di Malaysia Autoshow 2018 di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS). Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Honda X-ADV, CRF1000L Africa Twin dan

Press Information

CB1000R, sila hubungi talian tol bebas Boon Siew Honda di 1-800-88-3993 atau log masuk ke www.hondabigbike.com.my.

– T A M A T –

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Nor Azam
012 – 499 6106
nor_azam@bswhonda.com.my

Tan Mei Pheng
012 – 487 0677
mptan@bswhonda.com.my